

Headline	Bekas penagih kini jadi usahawan berjaya		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm ²
Journalist	Jaafar Mulup	AdValue	RM 11,646
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,939



Bekas penagih kini jadi usahawan berjaya

» Nazrul
Ikma ceburi
perniagaan ikan
hiasan warisi
hobi ayah

Oleh Jaafar Mulup

bhnews@bharian.com.my

► Tampin

Nazrul Ikma Sulaiman, 36, pernah menghabiskan kira-kira RM2,000 sebulan membeli najis dadah yang turut menyebabkannya terbahit dalam pelbagai perbuatan bertentangan undang-undang.

Ia menyebabkan dia keluar masuk penjara sebanyak empat kali dan menghuni Pusat Serenti untuk memulihkan ketagihannya.

Nasib berubah

Bagaimanapun, nasibnya berubah tiga tahun lalu apabila mengikuti Program Pemulihan Terapi Gantian Metadon di Klinik Kesihatan Tampin di sini.

Nazrul Ikma dari Kampung Baru di sini berkata, dia terjebak dengan gejala penagihan najis dadah akibat pengaruh kawan ketika berusia 18 tahun,

“Saya bersyukur kerana melalui program terapi ini, bukan saja pulih daripada penagihan najis dadah, malah program keagamaan, berjaya mengisi kekosongan hati selama ini,” katanya.

Penukaran jarum

bersih percuma

Kejayaannya untuk pulih sepenuhnya juga menyebabkan Nazrul Ikma diberi kepercayaan Kelab Sahabat Meta membantu Majlis Aids Malaysia menjayakan program penukaran jarum bersih secara percuma bagi mengelakkan jangkitan Aids di kalangan penagih dadah yang berkongsi jarum.

“Sepanjang enam bulan menjalankan tugas itu, pelbagai


kerenah dihadapi, tetapi dilalui dengan penuh kesabaran untuk memujuk mereka mengikuti Program Terapi Gantian Metadon yang berkesan dan berjaya menghilangkan penagihan dadah,” katanya.

Nazrul Ikma berkata, keperluan kehidupan yang stabil menyebabkannya menceburi perniagaan ikan hiasan yang diwarisi daripada hobi ayahnya.

“Hasil bantuan keluarga yang memberi modal RM20,000 membolehkan saya mengusahakan penternakan ikan hiasan di rumah pusaka keluarga,” katanya.

Katanya, usaha itu menguntungkan kerana penternakan ikan hiasan masih kurang diceburi, terutama orang Melayu.

Headline	Bekas penagih kini jadi usahawan berjaya		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm ²
Journalist	Jaafar Mulup	AdValue	RM 11,646
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,939



Nazrul Ikma bersama ikan hiasan di kedainya.

[FOTO JAAFAR MULUP/BH]

“

Saya bersyukur kerana melalui program terapi ini, bukan saja pulih daripada penagihan najis dadah, malah **program keagamaan, berjaya mengisi kekosongan hati selama ini**”

Nazrul Ikma Sulaiman,
Peniaga ikan hiasan